



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	20/4/2017	MUKA SURAT	: 50
JABATAN	:	BPASPI / JAS / HARI BUMI		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		



**MURID** menanam pokok di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sunway.

## Tanam pokok doa sempena Hari Bumi

**Subang jaya:** Sempena menyambut Hari Bumi Sedunia pada 22 April ini, Pallas Malaysia melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menanam sebanyak 12 pokok Bucida atau dikenali 'pokok doa' di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Sunway, di sini, semalam.

Eksekutif Jenama Pallas Eppie Lee berkata, objektif program itu adalah untuk memberi kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan pelajar.

"Melalui penanaman pokok ini, ia secara langsung dapat mendidik pelajar untuk menghargai alam sekitar dan mengajar mereka cara menanam pokok de-

ngan betul," katanya.

Katanya, Pallas akan meneruskan misi menanam pokok di sekolah terpilih di seluruh negeri dan menyasarkan negeri di bahagian selatan seperti Melaka dan Johor untuk projek CSR akan datang.

Sementara itu, Pengetua sekolah Norjah Yusop berkata, aktiviti penanaman pokok itu diharap dapat menghijaukan lagi kawasan sekolah supaya lebih selesa.

"Melalui program ini diharapkan pelajar dapat meneruskan usaha memupuk kesedaran mengenai pentingnya menjaga alam sekitar dan mengekalkan kebersihan dalam kawasan sekolah," katanya.